



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 830

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020

Sebagaimana pada 1 Disember 2021

**AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI
PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS
2019 (COVID-19)) 2020**

Tarikh Perkenan Diraja	22 Oktober 2020
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	26 Oktober 2020
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1635 yang mula berkuat kuasa pada	18 November 2021

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 830

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kenaikan had amaun wang yang diperdapat dan wang yang diterima
4. Penubuhan Kumpulan Wang COVID-19
5. Penggunaan Kumpulan Wang COVID-19
6. Wang yang dibayar, digunakan dan diuntukkan mulai 27 Februari 2020 hingga tarikh penyiaran Akta disifatkan sah
7. Penyata tahunan Kumpulan Wang COVID-19
8. Urusan Kumpulan Wang COVID-19 apabila habis tempoh Akta

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 830

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara yang berhubungan dengan pembiayaan kerajaan untuk mengurangkan kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan menaikkan had amaun bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [*Akta 637*] dan jumlah amaun wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*], untuk menubuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19, untuk membenarkan wang yang diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan wang yang diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dibayar ke dalam Kumpulan Wang COVID-19, untuk membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

[*27 Februari 2020 kecuali seksyen 3;
**26 Oktober 2020 bagi subseksyen 3(1)]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

* CATATAN—lihat subseksyen 1(2)

** CATATAN—lihat subseksyen 3(2)

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

(2) Kecuali bagi seksyen 3, Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Februari 2020 dan hendaklah terus berkuat kuasa hingga 31 Disember 2022.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.

Kenaikan had amaun wang yang diperdapat dan wang yang diterima

3. (1) Had amaun bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan jumlah amaun wang yang boleh diterima di bawah subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 yang ditetapkan dalam Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2009 [*P.U. (A) 241/2009*] pada kadar lima puluh lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia, dinaikkan sehingga enam puluh lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia, apabila dikira bersama.

(2) Subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh mulai tarikh Akta ini disiarkan dalam *Warta* hingga 31 Disember 2022 dan semasa tempoh itu Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2009 digantung.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia” ertinya Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia yang terkini yang disahkan oleh Menteri.

Penubuhan Kumpulan Wang COVID-19

4. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang COVID-19 ditubuhkan dan hendaklah dinyatakan dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

(2) Walau apa pun subseksyen 5(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan seksyen 4 Akta Pendanaan Kerajaan 1983, mana-mana wang yang diperdapat di bawah subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan mana-mana wang yang diterima di bawah subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 boleh dibayar ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 bagi maksud penggunaannya di bawah seksyen 5.

Penggunaan Kumpulan Wang COVID-19

5. (1) Wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 hendaklah digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual mengikut amaun yang dinyatakan dalam ruang (2).

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, jika difikirkan patut olehnya —

- (a) mengehendkan atau menggantung amaun untuk digunakan dan diuntukkan bagi maksud apa-apa program; atau
- (b) mengarahkan mana-mana jumlah yang diuntukkan bagi suatu program supaya diuntukkan bagi menampung apa-apa program lain yang jumlah yang diuntukkan baginya mungkin tidak mencukupi suatu amaun tambahan daripada apa-apa lebih daripada program yang mula-mula disebut.

(3) Menteri hendaklah memastikan bahawa penggunaan dan penguntukan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan hanya bagi program yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual, dengan mengambil kira apa-apa yang dibuat di bawah subseksyen (2), dan tidak melebihi jumlah amaun yang diperuntukkan bagi program-program itu.

Wang yang dibayar, digunakan dan diuntukkan mulai 27 Februari 2020 hingga tarikh penyiaran Akta disifatkan sah

6. Apa-apa wang yang diperdapat di bawah subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan wang yang diterima di bawah subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 yang dibayar ke dalam, digunakan dan diuntukkan bagi maksud, Kumpulan Wang COVID-19, bagi tempoh mulai 27 Februari 2020 hingga tarikh Akta ini disiarkan dalam *Warta*, hendaklah disifatkan telah dibayar, digunakan dan diuntukkan dengan sah sedemikian.

Penyata tahunan Kumpulan Wang COVID-19

7. Menteri hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyediakan berkenaan dengan tahun kewangan itu suatu penyata terimaan dan perbelanjaan wang yang diakaunkan dalam Kumpulan Wang COVID-19 sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 16(1)(c) Akta Tatacara Kewangan 1957.

Urusan Kumpulan Wang COVID-19 apabila habis tempoh Akta

8. (1) Apabila habis tempoh Akta ini, jika terdapat apa-apa wang yang kena dibayar daripada Kumpulan Wang COVID-19, wang itu hendaklah dibayar dalam tempoh enam bulan dari tarikh habis tempoh Akta ini.

(2) Jika terdapat apa-apa baki wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 selepas semua bayaran dibuat di bawah subseksyen (1),

walaupun apa pun subseksyen 10(3) Akta Tatacara Kewangan 1957, baki wang itu hendaklah dibayar oleh Menteri ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957.

(3) Selepas baki wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 dibayar menurut subseksyen (2), Kumpulan Wang COVID-19 itu hendaklah disifatkan terubur dan Dewan Rakyat boleh, melalui suatu ketetapan, memotong Kumpulan Wang COVID-19 daripada Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957.

JADUAL

[Subseksyen 5(1)]

PROGRAM DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI DAN
PELAN PEMULIHAN EKONOMI

(1) Program	(2) Amaun (RM)
1. Program subsidi upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja, dan bantuan latihan	31,000,000,000
2. Bantuan Prihatin Nasional	41,000,000,000
3. Projek berskala kecil	6,000,000,000
4. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran	2,000,000,000
5. Pembiayaan PKS PENJANA	2,000,000,000
6. Geran PRIHATIN PKS	6,000,000,000
7. Pinjaman mikro kredit	2,000,000,000
8. Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19	9,000,000,000
9. Dana jaminan makanan	1,000,000,000

10	<i>Undang-Undang Malaysia</i>	AKTA 830
	(1) Program	(2) Amaun (RM)
10.	Elaun khas COVID-19 bagi petugas barisan hadapan	600,000,000
11.	Dana PENJANA Nasional	600,000,000
12.	ePENJANA	520,000,000
13.	Diskaun bil elektrik	500,000,000
14.	Tambahan RM100 bagi Bantuan Sara Hidup (BSH)	300,000,000
15.	Bantuan khas untuk pelajar institusi pendidikan tinggi	300,000,000
16.	Pembiayaan Mudah Bumiputera	200,000,000
17.	Subsidi pengangkutan awam MY30	200,000,000
18.	Bantuan khas untuk pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancong, pemandu pelancong, pengayuh beca dan pemandu <i>e-hailing</i>	160,000,000
19.	Sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas	6,010,000,000
20.	Geran automasi pintar	100,000,000
21.	Pinjaman mudah di bawah MyCreative Venture	100,000,000
22.	Perlindungan sosial dan latihan bagi pekerja ekonomi <i>gig</i>	75,000,000
23.	Kempen e-Dagang bagi PKS dan perusahaan mikro	70,000,000
24.	“ <i>Shop Malaysia Online</i> ” bagi perbelanjaan dalam talian	70,000,000
25.	Sokongan penjagaan kesihatan PEKA B40	50,000,000

*Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan
Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19))* 11

(1) Program	(2) Amaun (RM)
26. Geran bagi pusat jagaan kanak-kanak dan tadika	50,000,000
27. Dana kandungan digital	35,000,000
28. Bantuan untuk pertubuhan bukan kerajaan	25,000,000
29. Pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan	20,000,000
30. Dana pemasaran dan promosi pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA)	10,000,000
31. Pusat Sehati PKS MyAssist	5,000,000
JUMLAH	<hr/> 110,000,000,000 <hr/>

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 830

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1627	Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020	01-01-2021
Akta A1635	Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021	18-11-2021

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 830****AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA
BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN
(PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	Akta A1635	18-11-2021
Jadual	Akta A1627 Akta A1635	01-01-2021 18-11-2021
